

**PENDEKATAN KOMUNIKASI KEPEMIMPINAN DALAM STRATEGI
BERDAKWAH ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA (ABIM)
1972-2004**

*(Leadership Communication Approaches to the Malaysian Islamic Youth
(ABIM) Preaching Strategy 1972-2004)*

Siti Ruzana Ab Ghani, Rahila Omar, Azlizan Mat Enh & Russli Kamaruddin

ABSTRAK

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) merupakan sebuah gerakan Islam yang amat teliti dalam memilih pemimpinnya supaya dapat melaksanakan tugas dakwah dengan berkesan kepada masyarakat khususnya masyarakat Melayu. Sehubungan dengan itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pendekatan komunikasi kepemimpinan dalam kalangan pemimpin gerakan Islam ABIM dalam strategi menyampaikan dakwah kepada masyarakat di Malaysia khususnya masyarakat Melayu 1972-2004. Kajian ini adalah penyelidikan kualitatif dengan menggunakan disiplin sejarah berdasarkan penelitian terhadap sumber primer dan sumber sekunder iaitu menganalisis dokumen seperti Laporan Tahunan ABIM, Perlembagaan, Surat-Surat, Risalah, Siaran Media, Kenyataan Akhbar, Berita, dan Ucapan Dasar Muktamar dari arkib ABIM. Hasil kajian membuktikan bahawa pemimpin-pemimpin dalam gerakan Islam ABIM telah menggunakan pendekatan komunikasi kepemimpinan secara berkesan sebagai medium menyampaikan dakwah. Melalui pendekatan komunikasi kepemimpinan juga maka gerakan Islam ABIM mendapat sokongan masyarakat Melayu dalam menanam penghayatan nilai-nilai Islam bagi mencapai kehidupan yang syumul serta menekankan akidah yang betul berpandukan al Quran dan as Sunnah. Keberkesanan komunikasi kepemimpinan membawa kepada pengukuhan perjuangan gerakan Islam ABIM dalam menyampaikan dakwah dalam kalangan anggota dan bukan anggotanya seterusnya kepada masyarakat Melayu di Malaysia. Oleh itu peranan pemimpin menggunakan pendekatan komunikasi kepemimpinan yang berkesan sangat penting dalam gerakan Islam ABIM dalam perjuangan menyampaikan dakwah kepada masyarakat Melayu di Malaysia sehingga tahun 2004. Perjuangan dakwah pemimpin-pemimpin gerakan Islam ABIM juga bukan sahaja di peringkat dalam negara sahaja malahan ke peringkat hubungan antarabangsa antara negara-negara di dunia.

Kata kunci: *Komunikasi, Strategi, ABIM, Perjuangan, Dakwah, masyarakat Melayu*

ABSTRACT

Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM) is an Islamic movement that was very careful in choosing their leaders in order to carry out its duties effectively preaching to the people, especially the Malays. Accordingly, the objective of this study was to identify approaches to leadership communication among the leaders of the Islamic movement in strategy ABIM convey the message to the people, especially the Malays in Malaysia from 1972 to 2004. This

study is a qualitative research using historical disciplines based on research on primary and secondary sources such as analyzing documents such as ABIM Annual Report, Constitution, Letters, Brochures, Media Release, Press Statement, News, and Muktamar Policy Speech from the ABIM archive. The results show that the leaders in the ABIM Islamic movement have effectively used the leadership communication approach as a medium of propaganda. Through leadership communication approaches the Islamic movement ABIM also received the support of the Malay community in the growing appreciation of Islamic values in order to achieve a holistic life and pressing the right faith guided by the Qur'an and Sunnah. The effectiveness of communication leading to the strengthening of the struggle for leadership of the Islamic movement ABIM in communicating the message among members and non-members in turn to the Malay community in Malaysia. Therefore the role of the leader approach to effective leadership communication is very important in the fight Islamic movement ABIM in communicating the message to the Malay community in Malaysia until 2004. The fight missionary leaders of the Islamic movement ABIM also not only at the national level alone but also to international relations between the countries of the world.

Keywords: Communications, Strategy, ABIM, Struggle, Da'wa, Malay

PENGENALAN

Pendekatan komunikasi kepimpinan sangat penting dalam sesebuah pertubuhan bagi mewujudkan persefahaman dalam kalangan ahli dengan pemimpin. Melalui komunikasi maka proses penyampaian dan penyebaran dapat mempengaruhi sasaran dalam sesebuah pertubuhan. Sebagaimana menurut Abdullah dan Ainon (2003), melalui komunikasi seseorang dapat mengenal dirinya sendiri, menjalin hubungan dengan orang lain dan mempengaruhi fikiran, perasaan dan tingkah laku orang lain supaya mereka boleh mengikut seperti apa yang kita mahu. Komunikasi yang berkesan dapat mengurangkan rasa kesepian, meningkatkan motivasi, merasakan diri dihargai, diperlukan oleh orang lain dan memberi keselesaan dalam hidup. Perbincangan artikel ini lebih menjurus kepada pendekatan komunikasi kepimpinan dalam kalangan pemimpin gerakan Islam ABIM sehingga tahun 2004. Pemimpin yang bijaksana dan adil mempunyai keupayaan dalam mendorong orang lain patuh dengan kerelaan tanpa ada tekanan dan paksaan. Kepimpinan merupakan tingkah laku yang bertujuan untuk mempengaruhi orang lain supaya mereka sanggup dan rela hati melakukan apa yang dikehendaki oleh orang yang memimpin. Menurut Jaafar Muhammad (1992), kepemimpinan melibatkan orang lain atau pihak lain dengan pemimpin mempunyai autoriti untuk memberi arahan berkenaan kegiatan anggota kumpulan serta pemimpin boleh mempengaruhi pekerja melalui arahan yang dilaksanakan oleh mereka. Menurut Jaafar Muhammad (2000) juga, pendekatan komunikasi kepimpinan ini adalah perlu mempunyai potensi untuk menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan tugas dan berusaha membantu kumpulan kerja agar organisasi melaksanakan tugas dengan lancar.

Manakala Zawiyah (2009) pula menjelaskan komunikasi bukan sahaja melibatkan percakapan dan penulisan tetapi juga pembacaan dan proses mendengar. Oleh itu komunikasi adalah aktiviti utama yang berlaku dalam sesebuah organisasi dan kejayaan sesebuah organisasi bergantung pada kerja pasukan yang berada di dalamnya. Oleh itu komunikasi adalah aktiviti utama yang berlaku dalam sesebuah organisasi dan kejayaan sesebuah organisasi bergantung pada kerja pasukan yang berada di dalamnya. Ini sangat bersesuaian dengan dasar gerakan Islam ABIM dalam memilih para pemimpin. Berdasarkan pendekatan

komunikasi kepemimpinan ini maka, gerakan Islam ABIM juga menggunakan gaya, kaedah dan strategi komunikasi yang digunakan oleh pemimpin semasa menjalankan peranan dan tugas formal dan tidak formal mereka (Barker, Wahlers & Watson, 1995). Menurut Aziz (2007), komunikasi kepemimpinan adalah pemimpin yang berkomunikasi menggunakan simbol- simbol tertentu untuk berhubung sama ada melalui perubahan tingkah laku atau sifat antara satu sama lain dengan tujuan untuk berkongsi matlamat dan keperluan bersama. Kuasa pemimpin dalam gerakan Islam ABIM adalah kuasa kepakaran yang berasaskan kebolehan, kepakaran dan ilmu pengetahuan atau kemahiran tertentu. Pengikut dalam gerakan Islam ini beranggapan pemimpin yang dipilih mempunyai kepakaran yang melebihi kepakaran mereka (French & Raven, 1960). Pemimpin yang berkesan harus melibatkan diri dengan matlamat individu dan organisasi. Matlamat ditujukan kepada sesuatu kedudukan atau keadaan pada masa hadapan yang apabila tercapai akan memberi sumbangan terhadap tercapainya misi sesebuah organisasi.

METODOLOGI

Di dalam bidang penulisan ini, metodologi merupakan satu cara untuk memahami objek yang menjadi sasaran penelitian dalam menganalisis kajian. Pengkaji menggunakan pendekatan disiplin sejarah dengan penulisan secara kualitatif berdasarkan analisis dokumen daripada sumber-sumber primer supaya mendapat kesahan bukti penemuan baru. Di samping itu disokong oleh sumber-sumber sekunder. Subjek kajian adalah gerakan Islam pertubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM). Berdasarkan pengumpulan sumber pertama seperti menganalisis laporan tahunan, perlembagaan, risalah, akhbar, ucapan dasar akan memberi analisis data yang asli kesahihannya. Selain itu melalui temu bual orang sumber juga melengkapkan data yang dikutip. Penggunaan sumber kedua seperti buku, jurnal, kertas kerja, penulisan berbentuk ilmiah diperlukan untuk mengukuhkan hujah setiap data yang ditulis dan dianalisis dengan membuat penelitian terhadap dokumen asal sumber.

PENDEKATAN KOMUNIKASI KEPIMPINAN ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA (ABIM)

Komunikasi kepimpinan dalam gerakan Islam ABIM yang menjalankan dakwah kepada masyarakat di Malaysia daripada awal penubuhannya sehingga sehingga tahun 2004. Ini kerana gerakan Islam ABIM menggunakan pendekatan komunikasi Islam sebagai salah satu bentuk interaksi dalam pertubuhannya iaitu interaksi manusia dalam kehidupan sosial, yang tidak terlepas dari dua sumber iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Bagi gerakan Islam ABIM kepimpinan dalam sesebuah organisasi Islam melihat kepimpinan *daulah* sebagai panduan bagi memastikan pemilihan seseorang pemimpin itu selaras dengan kepentingan Islam. Kepimpinan Islam ialah kepimpinan yang menegakkan yang makruf dan mencegah yang mungkar dan kepimpinan Islam mestilah mempunyai iman dan amal soleh (Abdul Wahab, 1994). Islam menghendaki nilai-nilai syari'e ini dapat mewarnai dalam proses komunikasi sehingga melahirkan suatu kedudukan di mana komunikasi melahirkan suasana kedamaian bukan permusuhan (Asep, 2003). Ianya bersesuaian dengan ajaran Islam yang menganjurkan keharmonian di atas muka bumi. Oleh itu, Islam menganggap komunikasi sebagai satu wasilah yang penting yang menganjurkan perdamaian dalam kalangan umatnya sepanjang zaman. Kepentingan komunikasi dari perspektif Islam boleh dilihat dari sudut menyebarkan dakwah, menjaga hubungan sesama manusia dan hubungan dengan Allah, melaksanakan

tuntutan-tuntutan Syariah dan menegakkan prinsip amar ma'rūfnahīmunkar serta melaksanakan apa sahaja perintah Allah dan menjauhi diri segala larangan Nya.

Pendekatan komunikasi kepimpinan yang berkesan adalah antara faktor utama kejayaan dalam sesebuah organisasi. Sejarah Islam telah menunjukkan bagaimana kejayaan dakwah Rasulullah SAW yang telah berkomunikasi dengan cemerlang, dan hasilnya seluruh semenanjung Tanah Arab telah dapat diislamkan dengan jayanya. Komunikasi Kepimpinan bangsa Arab itu sendiri yang dianggap begitu kasar, pembengis serta biadab, adalah sukar bagi seseorang yang ingin berdakwah dan mengajak mereka melakukan perubahan sikap dan perangai mereka itu. Akan tetapi dengan kesabaran yang tinggi yang ada pada Rasulullah SAW dan cara berkomunikasi yang penuh dengan hikmah, maka cabaran yang begitu hebat dapat diatasi. Malah, perkembangan dakwah baginda SAW sendiri dianggap sebagai suatu revolusi komunikasi di zaman itu yang melampaui batasan geografi, bahasa dan bangsa (Muhammad, 1991). Utusan-utusan dakwah Nabi SAW telah berjaya menyampaikan mesej Islam kepada pemerintah Rom, Parsi, Mesir dan sebagainya. Oleh itu pendekatan komunikasi kepimpinan dalam gerakan Islam ABIM akan membincangkan dan mengupas sifat-sifat kepimpinan dalam pertubuhan ini yang memberikan kesan besar kepada peranan komunikasi ketika berdakwah.

Kepimpinan ialah satu seni yang menyusun antara individu dengan beberapa kumpulan untuk membentuk interaksi antara manusia untuk mencapai matlamat tertentu (Kamaruzzaman, 2006). Dalam usaha untuk mencapai kualiti kepimpinan amatlah perlu kemahiran berkomunikasi diberikan peranan penting untuk menghuraikan kehendak visi dan misi dalam gerakan Islam ABIM supaya menjadi lebih jelas landasan yang akan diikuti. Oleh kerana kepimpinan melibatkan proses memimpin, membimbing, mempengaruhi atau menguasai pemikiran, maka komunikasi penting dalam mewujudkan suatu hubungan berbentuk komunikatif (Onong, 1981). Kegagalan sesebuah organisasi dalam mencapai visi dan misi mereka kerana kegagalan kumpulan pengurusan tertinggi menyampaikan hasrat dan kehendak visi dan misi kepada kumpulan pelaksana. Kemampuan kumpulan tertinggi berkomunikasi dengan kumpulan pelaksana akan menjadi kayu pengukur kejayaan organisasi tersebut. Seorang yang menjadi pemimpin seharusnya menyedari keperluannya menguasai teknik berkomunikasi yang berkesan. Kegagalannya menguasai komunikasi yang berkesan akan menyebabkan sistem penyampaian maklumat kepada subordinat kurang difahami atau mungkin menjadi khilaf antara mereka dan ini akan memberi kesan yang besar kepada perjalanan organisasi. Oleh itu, sebagai seorang pengurus mestilah mempunyai kewibawaan, kemampuan mengurus, dan memimpin yang unggul, di samping daya motivasi yang tinggi untuk diteladani oleh anggota organisasi yang lain. Pengurusan atasan hendaklah memastikan proses penyampaian maklumat yang sesuai diwujudkan dalam organisasi dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti disampaikan kepada semua anggota organisasi (Raja Roslan, Azizi & Mohd. Salleh, 2008).

Pada awal penubuhan, perjuangan gerakan Islam ABIM, penumpuan kepimpinan adalah kepada tahap pembinaan pemikiran (*fikrah*). Pimpinan ABIM bertanggungjawab untuk membina kekuatan "*ruhaniyyah*" melalui "*tarbiah*". Tugas utama dalam kepimpinan ABIM adalah untuk menjelaskan tasawur Islami yang menyeluruh kepada ahli-ahli supaya dakwah dapat difahami secara jelas bukannya dianggap upacara atau ibadah yang disempitkan pengertiannya sebagai agama ritual semata-mata. Konsep dakwah yang bersifat universal inilah yang akan menjayakan matlamat dan objektif penubuhannya serta menjadi akar umbi dalam masyarakat Melayu bagi menyampaikan risalah Islam (Risalah, April 1991).Kepimpinan ABIM melihat keperluan yang mendasar terhadap pembinaan fikrah

Islamiah. Keseragaman berfikir (*wahdatu'lfikr*) yang menjadi tema utama dalam pembentukan ahli ABIM keseluruhannya. Keseragaman berfikir akan menghasilkan kekuatan tenaga kerja dalam keseragaman bertindak malah keperluan "*wahdat al-fikr*" mampu menjelaskan secara menyeluruh tentang penghayatan Islam dari aspek *wahdat al-akidah* (kesatuan akidah), rahsia keunggulan tauhid dan ciri yang melambangkan kedewasaan umat dalam pemahaman dan penghayatan Islam (Risalah, 1971-1981). ABIM juga mengamalkan saranan Hasan al-Banna supaya sentiasa bertolak ansur (tasamuh) dalam hal-hal ranting-ranting iaitu perselisihan dan mengumpul tenaga dalam menghadapi hal-hal ranting yang dipersetujui bersama (Risalah ABIM, 1981).

Pada era 1970-an, ABIM berhadapan dengan pimpinan negara yang berfahaman sekular, berbudaya dan bercita rasa barat (Ucapan Dasar ke-19, 1990). Ketika itu ABIM juga berada di tengah-tengah semarak kebangkitan Islam, ABIM dianggap sebagai mengancam pihak kerajaan (Watan, 27 Julai 1992). Ini kerana kepimpinan ABIM mengambil pendekatan bertentangan dalam pertubuhannya kerana melihat berlaku ketidakadilan sosial dalam masyarakat Melayu dengan mendesak agar kerajaan membuat pembaharuan terhadap penubuhan institusi-institusi Islam di dalam negara (Utusan Malaysia, 10 September 1991). Kebijakan pemimpin ABIM dapat mengambil peluang dan ruang dakwah telah dimanfaatkan sebaik-baiknya oleh pimpinan ABIM. Dalam tahun 1980-an perkembangan dakwah Islam telah diberi ruang yang luas oleh pihak kerajaan apabila pimpinan Anwar Ibrahim berada dalam kerajaan. ABIM di bawah pimpinan Siddiq Fadhil, Muhammad Nur Manuty dan Ahmad Azam Abdul Rahman, mengambil kesempatan memanfaatkan program Islamisasi yang dijalankan oleh pihak kerajaan. ABIM tidak menyertai kerajaan tetapi bersama-sama kerajaan untuk menjayakan dasar-dasar dan program pemerintahan yang selaras dengan ajaran Islam dan kepentingan umat (Ucapan Dasar presiden ABIM, 1990).

Gerakan Islam ABIM menggunakan kaedah syura dalam memilih pemimpin dan selaras dengan tuntutan Islam yang menetapkan syura sebagai kaedah untuk memilih pemimpin yang berkualiti. Menurut Dr. Yusof al-Qardawi menyatakan:

[...]Islam memandang seorang pemimpin itu sebagai wakil atau orang yang diupah untuk mentadbir urusan umat. Oleh itu umat berhak untuk menghitung kesilapan wakilnya atau mencabut perwakilan tersebut daripadanya bila-bila masa. Terutama jika ia terbukti tidak menunaikan kewajipan dan tanggungjawabnya. Seorang pemimpin dalam Islam bukan merupakan seorang penguasa yang terjaga daripada kesalahan. Dia hanya manusia biasa yang boleh salah dan silap. Oleh itu kaum muslimin wajib menegur dan meluruskan tindakannya apabila dia menyeleweng daripada jalan yang lurus (Dr. Yusof al-Qardawi, 1999).

Dengan ini menjelaskan bahawa gerakan Islam ABIM amat teliti dalam memilih kepimpinannya dalam bakal pemimpin itu mestilah melalui tahap-tahap latihan yang ditetapkan oleh Majlis Syura Tertinggi ABIM. Pemilihan di peringkat negeri dan daerah juga diperhalusi dengan kaedah pemilihan syura. Majlis Syura Peringkat Negeri bertanggungjawab untuk membuat pemilihan pimpinan peringkat cawangan. Pimpinan peringkat negeri akan mengumumkan perlantikan tersebut (Temu bual bersama Khairuddin Hj Abbas, 23 November 2019).

STRATEGI KEPIMPINAN BERDAKWAH ABIM

Artikel ini hanya akan mengupas kepimpinan dalam gerakan Islam ABIM bermula tahun 1972 sehingga tahun 2004 sahaja sebagai skop kajian terhadap pendekatan komunikasi kepimpinan dalam dasar perjuangannya menjayakan program-program dakwah kepada masyarakat Melayu di Malaysia. Bermula dengan presiden ABIM pertama iaitu Razali bin Nawawi (1972-1974), presiden ABIM kedua iaitu Anwar Ibrahim (1974-1981), pemangku presiden iaitu Fadhil Mohd Noor (1972-1978), presiden ABIM ketiga iaitu Siddiq Fadhil (1982-1991), presiden ABIM keempat iaitu Muhammad Nur Manuty (1991-1997), dan presiden ABIM kelima iaitu Ahmad Azam Abdul Rahman (1997-2004). Walaupun setiap pemimpin dalam gerakan Islam ABIM ini berbeza bentuk kepimpinannya, namun matlamat perjuangannya sama dan jelas untuk melaksanakan amar makruf, nahi mungkar. Maka setiap pemimpin dalam gerakan Islam ABIM akan berada di landasan pemimpin yang benar.

(i) *Kepemimpinan Razali Bin Nawawi (1972-1974)*

Razali Nawawi adalah presiden pertama ABIM yang merupakan pemimpin peringkat awal yang terlibat dalam penubuhan ABIM. Kewujudan ABIM dalam masyarakat merupakan gelombang baru pergerakan Islam yang membawa slogan Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan sempurna (Ishak, 2006). Beliau menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan dalam menentukan survival perjuangannya kerana pihak pemerintah kerajaan mewarisi pemikiran barat. Maka dengan itu presiden ABIM ini mengambil pendekatan komunikasi kepimpinan untuk berdakwah melalui cara pidato dan demonstrasi dalam usaha untuk menyedarkan pemerintah. Dengan kebijaksanaan kepimpinan presiden ABIM ini dalam melontarkan idea-idea pemikiran yang jelas dan berkesan maka dapat mengemukakan gagasan-gagasan baru dari aspek politik, ekonomi, pendidikan, perpaduan, dan sosial yang berteraskan Islam dalam gerakannya. Kelantangan beliau dalam gerakan Islam ABIM dalam isu-isu kenegaraan telah sampai ke peringkat antarabangsa. Dasar perjuangan beliau dalam ABIM juga telah dapat mentarbiahkan ahli-ahli ABIM melalui program usrah. Program kerohanian telah diperkukuhkan dengan pembacaan *mathurat* yang pembacaannya menjadi keutamaan dalam kalangan ahlinya.

Seterusnya misi dakwah pemimpin ABIM ini ialah membawa misi dakwah dengan memperkukuhkan idea kefahaman Islam kepada masyarakat serta membina rangkaian misi dakwah ke seluruh pelosok Malaysia melalui slogan amar makruf nahi munkar. Selama tiga tahun beliau memimpin ABIM, beliau memperkemas organisasi dengan melatih ahli ABIM ke arah perkaderan dan kerohanian di pelbagai peringkat. Penyertaan masyarakat bukan sahaja di peringkat-peringkat institusi pengajian tinggi, malah masyarakat bandar dan luar bandar di seluruh negara (Penyata Tahunan ABIM ke-3, 1974). Beliau berjaya membawa ABIM terus diterima oleh masyarakat dari semua peringkat dan berjaya melatih aktivis-aktivis yang insaf dan berdedikasi seperti Anwar Ibrahim, Siddiq Fadhil, Muhammad Nur Manuty, Kamaruddin Jaafar dan Anuar Tahir bagi mengisi perjuangan hasrat masyarakat luar bandar. Kegiatan Usrah, Tamrin dapat mendisiplinkan ahli-ahlinya di samping kepentingan tarbiah ahlinya dan wajib disertai oleh ahli ABIM. Beliau juga mengusahakan pembentukan Majlis Syura sebagai badan perunding dan penasihat gerakan Islam ABIM yang berjalan secara internal. Majlis Syura memutuskan perlunya ada kerjasama dalam gerakan kerana terdapat perbezaan cara dan pendekatan dakwah. Melalui pertemuan dalam

Majlis Syura, maka strategi dirangka bagi melahirkan kader-kader yang komited terhadap Islam dan berusaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan (Laporan Tahunan ke-3).

(ii) ***Kepemimpinan Anwar Ibrahim (1974-1981)***

Anwar Ibrahim merupakan presiden kedua gerakan Islam ABIM yang dapat mengembangkan idealisme Islamnya terhadap isu-isu masyarakat Islam di dalam dan di luar negara. Penglibatannya dalam perjuangan awal ABIM adalah sebagai AJK penaja pergerakan (Buku Cenderamata ABIM). Beliau menyertai demonstrasi anti Amerika pada tahun 1971, demonstrasi Tunku Abdul Rahman, demonstrasi anti Akta Universiti dan Kolej serta memperjuangkan soal Bahasa Kebangsaan dengan mendesak penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (Minit Mesyuarat ABIM kali ke-7). Era kepemimpinan ABIM ketika di bawah pimpinan Anwar Ibrahim adalah lebih radikal. Ini kerana kemasukan PAS dalam BN telah tidak disenangi oleh pimpinan muda ABIM. ABIM menunjukkan sikap radikal dengan menggantikan pihak pembangkang khususnya PAS. Anwar Ibrahim semasa pimpinannya dalam gerakan Islam ABIM, memfokuskan kepimpinannya kepada perjuangan menegakkan kebenaran dan keadilan. ABIM sering mendesak pihak kerajaan untuk memperkukuhkan unsur-unsur Islam dalam semua bidang sama ada politik mahu pun pendidikan. ABIM juga mendesak penubuhan sebuah universiti Islam di negara ini dan timbul kekesalan kerana pihak kerajaan memendamkan idea penubuhan universiti tersebut. Walaupun hubungan ABIM dengan pihak pemerintah kerajaan sangat tegang kerana sering mendesak kerajaan dalam isu kemiskinan dan melaksanakan program Islam, namun dapat di atasinya dengan berhemah telah menampakkan kejayaan (Risalah ABIM, 1991).

Anwar menjelaskan gagasan dalam Ucapan Dasar Presiden ABIM dalam Muktamar Sanawi kali ke-5 yang pada dasarnya hanya ada dua sahaja golongan masyarakat iaitu masyarakat Islam yang berusaha menghayati Islam sepenuhnya dan masyarakat jahiliah yang mengingkari ajaran Allah (Ucapan Dasar Presiden ABIM, 1975). Dalam hal ini kepemimpinan Anwar Ibrahim menggugat kepemimpinan kerajaan yang ada. Pendekatan komunikasi kepemimpinan yang disampaikan oleh Anwar dalam ucapan dan pidatonya yang lebih vokal dapat membuktikan bahawa segala programnya adalah untuk kebaikan semua masyarakat Islam dan bukan Islam di negara ini (Demi Masa, Bil. 1/1999). Kewibawaan kepemimpinan Anwar dalam gerakan Islam ABIM juga dapat dilihat apabila beliau berjaya melakukan “*blood transfusion*” bagi menyelamatkan gerakan Islam PAS akibat kekalahan teruk dalam pilihan raya Mac 1978 dengan memberi semangat dan suntikan baru melalui beberapa tokoh ABIM dalam ke dalam PAS (Harakah, 29 Julai 1998). Akhirnya kejayaan menyelamatkan PAS tercapai apabila Fadhil Mohd. Noor menjadi presiden PAS pada tahun 1989 dan seterusnya memperlihatkan gerakan Islam berjaya menguasai teraju kepemimpinan PAS.

Pendekatan komunikasi kepemimpinan Anwar Ibrahim juga dapat dilihat setelah gerakan Islam ABIM berjaya meluaskan pengaruhnya bukan sahaja di Semenanjung Malaysia, namun dapat dikembangkan di Sabah dan Sarawak. Kewibawaannya melihat masa depan Islam amat terserlah dalam memimpin pelajar dan ABIM dengan karismatik kepimpinannya yang dapat mempengaruhi pelajar di Institusi Pengajian Tinggi (Anwar, 2008). Gerakan Islam di kampus-kampus telah didominasi oleh ABIM. Di Universiti Kebangsaan Malaysia, sebuah gerakan politik pelajar yang didukung oleh ABIM iaitu Angkatan Tindakan Mahasiswa Bersatu (ATMA) menjadi tunggak kepemimpinan pelajar. ABIM juga bergerak aktif di luar negara seperti kepemimpinan pelajar luar negara iaitu di Amerika Syarikat dan Kanada seperti dalam pergerakan Malaysian Islamic Study Group Of

US and Canada (MISG). Namun begitu penglibatannya dalam Demonstrasi Baling 1974, telah menjejaskan kepimpinannya dengan beliau telah ditahan oleh pihak ISA selama dua tahun iaitu 1974-1976. Beliau dituduh mahu menggulingkan kerajaan dan semasa dalam tahanan diberi syarat tidak boleh melibatkan diri dalam mana-mana parti politik serta tidak boleh bercakap di khalayak ramai. Syarat ini akan menjejaskan kelantangan perjuangannya dalam perjuangan dakwah ABIM. Sebagai pemimpin yang berprinsip, beliau menolak syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan tersebut. Sebaliknya Anwar menjelaskan penangkapan beliau dan rakan-rakannya sebagai perbuatan khianat dan politik sempit golongan tertentu (Sarina, Wawancara Khas 1976).

Anwar Ibrahim mempunyai kepimpinan yang lantang dalam menegur pimpinan kerajaan supaya melaksanakan keadilan dalam masyarakat agar dapat melaksanakan misi ABIM dan misi keadilan sosial. Melalui ucapan dan pidatonya, Anwar berjaya membawa ABIM dikenali oleh masyarakat dalam dan luar negara hanya dalam masa dua tahun memimpin ABIM, keahlian ABIM meningkat 35,000 orang (Judith, 2009). Namun begitu pada tahun 1982, Anwar Ibrahim mengambil keputusan menyertai UMNO dan meneruskan perjuangan melalui politik dan atas tindakan bahawa dengan bekerjasama, maka kerajaan akan memberi kerjasama kepada ABIM. Perjuangan melalui siasah ini bagaimana pun tidak mengakhiri pendekatan komunikasi kepemimpinan Anwar Ibrahim kerana masih ahli ABIM, memperjuangkan gerakan dakwah ABIM tetapi tidak boleh menjadi pemimpin sebagai syarat perlembagaan pertubuhan ABIM memilih pemimpin.

(iii) *Kepemimpinan Fadhil Mohd Noor (1972-1978)*

Ketika gerakan Islam ABIM kehilangan sayap pimpinannya iaitu presiden Anwar Ibrahim ditahan ISA, maka Fadhil Mohd Noor telah menerajui ABIM dengan melintasi detik-detik kritikal yang mencemaskan. Bagi beliau aspirasi rakyat harus disuarakan, mangsa-mangsa kezaliman harus dibela, wadah perjuangan harus diperkukuh, bahaya pukulan penguasa harus dihindari. Sebagai pemimpin, beliau mampu menangani situasi gawat dan ujian yang dihadapi (Siddiq Fadhil & Fadhil Noor, 1994). Pendekatan komunikasi kepemimpinannya melalui kemahiran pidatonya, beliau mampu memukau pendengar, malah kepetahannya berhujah dengan disulami sindiran tajam terhadap pemerintah berjaya menarik minat pendengar. Beliau berjaya memantapkan tarbiah *harakiah* dalam ABIM. Usrah dan tamrin diisi dengan penuh tanggungjawab dan kesedaran dalam kalangan ahli ABIM. Beliau sanggup menerima pemecatan tugasnya sebagai pensyarah di Universiti Teknologi Malaysia atas dasar perjuangan Islam dan memilih untuk bergiat sepenuhnya dalam PAS. Menurut Siddiq Fadhil, pemecatan Ustaz Fadhil telah memberi hikmah kepada perkembangan gerakan Islam:

“Tempat mu bukan di menara gading, pulanglah kepada umat: mereka menanti kehadiran mu, mereka memerlukan pimpinan mu. Benar, di sana bintangnya menyinar sebagai pejuang aspirasi rakyat, jurubicara politik Islam yang paling artikulatif” (Mohd Anuar Tahir, 1993).

Beliau terus berjaya memimpin ABIM dan kemudiannya PAS atas dasar perjuangan politik Islam. Kewibawaan beliau menggunakan pendekatan komunikasi kepemimpinan yang lantang selama memimpin dan memangku presiden ABIM telah mendedahkan pengalamannya memimpin gerakan Islam yang mempunyai hubungan dengan gerakan Islam

antarabangsa. Pemikirannya yang mantap dan berkesan mampu melaksanakan tanggungjawab kepimpinan. Selama lima tahun dalam ABIM, pemikiran perjuangan Islam yang didukung mampu memberi kesan terhadap perubahan masyarakat. Ketokohnya membawa pemikiran-pemikiran gerakan Islam dan mampu melahirkan aktivis-aktivis yang komited dengan gerak kerja Islam telah dapat mengangkat perjuangan Islam ABIM dengan kepintaran dan ketajaman pemikirannya. Menurut beliau, perjuangan Islam merupakan perjuangan akidah yang memerlukan ketahanan fizikal dan dalaman iaitu meletakkan keutamaan pimpinan gerakan Islam kepada perjuangan Islam dalam menyusun sesebuah organisasi. Pemikiran tarbiyah *harakiah* yang dicetuskannya mampu menjadikan ABIM sebuah organisasi yang dipimpinnya berada di landasan yang tepat. Dengan sikap dan kesungguhannya berada di akar umbi untuk menjelaskan mesej Islam melalui ceramah dan kuliah, maka penjelasan mengenai pemikiran Islam dari aspek politik, ekonomi, dan sosial dapat diketengahkan (Fadhil Mohd Noor, 2003).

(iv) Kepemimpinan Siddiq Fadhil (1982-1991)

Penglibatan awal Siddiq Fadhil dalam gerakan Islam ABIM sebagai ketua Biro Penerangan yang bertanggungjawab dalam sebagai ketua pengarang akhbar RISALAH yang merupakan media utama dalam menyampaikan idea-idea pemikiran Islam kepada masyarakat. Seterusnya dilantik sebagai presiden ABIM apabila Fadhil Mood Noor menyertai PAS dan Anwar Ibrahim menyertai UMNO. Kemelut dalam rombongan pemimpin ini merupakan cabaran kepada beliau sebagai pemimpin untuk meredakan pergolakan di dalam ABIM. Walaupun terdapat perpecahan dalam kalangan ahli ABIM yang menjadi pengikut ABIM di bawah pimpinan beliau, kumpulan yang menyertai politik PAS bersama Fadhil Mohd Noor dan kumpulan yang mengambil sikap tidak berpihak kepada mana-mana tokoh tersebut (Badhlihisam, 2009). Kewibawaan beliau yang telah mengambil pendekatan memulihkan keadaan dengan tidak memusuhi Anwar dan mengekalkan keahliannya dalam ABIM. Seterusnya beliau mengukuhkan ahli-ahli ABIM yang setia dan memperketat keahlian ABIM supaya dapat melahirkan petugas-petugas ABIM yang benar-benar rasa cinta terhadap gerakan dakwah. Atas dasar dan sikap kepemimpinannya yang intelektual, maka gerakan Islam ABIM dapat dipertahankan dalam mengatasi kemelut krisis kepimpinan dan berjaya melepasi halangan tersebut dengan membawa ABIM mencapai matlamat dan cita-cita dalam perjuangan Islam.

Melalui ucapan dasar dalam Mukhtamar Sanawi ke-11, beliau berusaha untuk memantapkan hala tuju ABIM sebagai harakah Islamiah dalam menghadapi suasana hari ini dan kemungkinan hari esok (Ucapan Dasar Mukhtamar kali ke-11, 1982). Dalam Mukhtamar Sanawi ke-12, beliau menekankan bahawa cabaran-cabaran abad kebangunan perlu disahut untuk memastikan supaya era kebangunan semula Islam benar-benar akan menjadi realiti (Ucapan Dasar Mukhtamar ABIM ke-12, 1983). Manakala dalam ucapan Mukhtamar Sanawi ke-13, beliau memperkukuhkan ucapannya dengan tajuk “Da’i Pembina Akidah-Pembangunan Ummah”, yang merupakan amanat pelaksanaan dakwah sebagai strategi induk harakah Islamiah ABIM (Ucapan Dasar Mukhtamar ABIM ke-13, 1984). Selain itu, beliau juga mengambil sikap ‘bersahabat’ dengan kerajaan demi cita-cita Islam yang menyeluruh sifatnya telah meninggalkan kesan positif. Rancangan Islamisasi kerajaan ketika itu telah mendapat sambutan meluas dalam kalangan kelas menengah. Dengan sikap bersahabat ABIM maka gerakan Islam ABIM telah mendapat tempat dan diterima dalam kalangan jentera kerajaan (Risalah bil.5 Oktober, 2001).

Pada tahun 1982, kerajaan telah melancarkan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam, dan gerakan Islam ABIM menjadikan sebagai strategi dakwah yang bertahap dan dinamik. Ini kerana, ABIM menjadikan dasar yang dilancarkan oleh kerajaan sebagai ruang untuk kualiti meningkatkan tahap kefahaman kepada penghayatan dan pelaksanaan model Islam. Proses Islamisasi ini akan berkembang lebih baik dalam suasana aman apabila mendapat sokongan kerajaan (Rencana Khas 30 tahun ABIM, Risalah). Namun begitu pendekatan ini menjadi polemik antara ABIM dan PAS kerana PAS menganggap ini sebagai strategi UMNO memperalatkan Islam demi survival politik. Gerakan Islam ABIM di bawah kepimpinan Siddiq Fadhil tetap bertegas dengan pendirian dakwahnya menyokong kerajaan kerana kepentingan ummah. Hasil kepimpinan beliau mempertahankan prinsip dakwah maka, berlaku peningkatan kualiti keIslaman di negara ini apabila ABIM membantu kerajaan melaksanakan modul Islam dari aspek ekonomi dan pendidikan. ABIM mendapat kebebasan untuk berdakwah dengan mengemukakan *manhaj* yang lebih berhemah dalam perjuangannya (Ali Muhammad, 1991).

Dengan ini kepimpinan beliau telah berjaya mewarnakan semula ABIM dalam kalangan masyarakat dan juga pihak pemerintah. Kepimpinan beliau telah membuat penyaringan ahli-ahli yang benar-benar komited dalam perjuangan ABIM yang benar-benar memahami *uslub* dan *tarbiah* ABIM bagi menjamin keutuhan ABIM serta memperkukuhkan institusi Islam. Melalui idea pemikirannya juga lahir gerakan Manhaj Maliziy dan Dasar Non-Partisan. Menurutnyanya sebagai sebuah gerakan Islam yang berwibawa, ABIM perlu merealisasikan Islam sebagai satu sistem yang lengkap dan terletak di bahu pihak berkuasa. Oleh itu, beliau terus memperkukuhkan institusi-institusi ABIM seperti KBI, TASKI, SERI, SEMI, IPI dan *Islamic Outreach* ABIM. Zaman pimpinan Siddiq Fadhil merupakan zaman yang getir kerana kehilangan ramai pemimpin, namun atas pendekatan kepemimpinannya yang sederhana dalam menjalankan kegiatan dakwah secara lebih berkesan dan pemikirannya yang tajam sebagai ilmuan Islam maka ABIM terus maju.

(v) ***Kepemimpinan Muhammad Nur Manuty (1991-1997)***

Era-kepimpinan Muhammad selama dua dekad tetap mempertahankan pendekatan sederhana, pendekatan membina negara dan dakwah berhemah dan menyebarkan dakwah di dalam kerajaan dan masyarakat. Pendekatan juga dilaksanakan dengan mengisi program-program kerajaan seperti Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri. Penglibatan ini dilaksanakan demi mempercepatkan proses kefahaman Islam kepada kelompok pelbagai peringkat dalam masyarakat. Ini secara tidak langsung gerakan Islam ABIM dapat menerapkan program-program yang berlandaskan Islam di dalam institusi pemerintah sehingga banyak program yang dianjurkan oleh institusi kerajaan berubah kepada bentuk yang agak Islamik pada umumnya. Begitu juga dengan bahagian penerbitan yang semakin mendalam menerbitkan bahan kefahaman Islam. Ini ditambah pula dengan kemasukan Anwar Ibrahim dalam UMNO dan kerajaan telah memberi ruang kepada pelaksanaan pemikiran Islam. Dakwah dapat dilakukan lebih terbuka dan beradab yang menjadikan satu kejayaan dalam penghasilan dakwah. Komunikasi Kepemimpinan yang ditonjolkan oleh Muhammad Nur Manuty telah membuktikan gerakan Islam ABIM dapat menyampaikan dakwah bukan sahaja di negara ini malahan kepada umat Islam seluruh dunia dengan menyuarakan berbagai-bagai isu yang ditangani secara berhemah seperti pelaksanaan Bank Islam dan program kemanusiaan umat Islam Bosnia (Ali Abdul Halim, 1995). Di bawah kepimpinan beliau juga Jawatankuasa Kerja Pusat menjalankan tugas dengan moto “Era Terus Mantap dan Cemerlang” merupakan

penyataan kepada semangat juang dan iltizam dalam kalangan petugas dan kepimpinan ABIM (Laporan Tahunan ABIM, Sesi 1995/1996).

Menurut Muhammad Nur Manuty, ABIM berkembang dengan pesat dan diakui oleh pemerintah kerana merupakan persatuan belia yang sangat berpengaruh berpengaruh, progress dan dinamik di Malaysia dan menjadi NGO yang dikenali di peringkat antarabangsa dengan sumbangan dan perjuangan bagi mengukuhkan strategi dakwah agar berkesan dalam kegiatan dakwah (Saidc Agil, 1987). Beliau berjaya mengukuhkan idea pemikirannya dalam kalangan ahli ABIM supaya menjadi agen perubahan dalam proses Islamisasi. Semasa Muktamar Sanawi ABIM ke-22, dipersetujui bersama pelaksanaan rakan dalam pembinaan negara (Minit Mesyuarat ABIM ke-22,1993). Sepanjang kepimpinan beliau dalam gerakan Islam ABIM, beliau telah melontarkan pemikiran dalam gerakan iaitu *syiasahsyar'iyah* iaitu sebuah manifestasi universalisme Islam yang terikat dengan prinsip syariah (Ucapan Dasar ke-22, 1993).Kepemimpinannya yang memegang prinsip berbaik dengan pihak kerajaan, maka ahli-ahli ABIM diberi peluang untuk menjalankan dasar Islamisasi. Pengisian tokoh-tokoh ABIM dalam pelbagai program dan pelbagai kementerian telah memperkukuhkan elemen keIslaman dalam pentadbiran kerajaan. Namun gerakan Islam ABIM menghadapi keterhadan terhadap program-program dakwah ABIM sendiri. Keterlibatan aktivis ABIM dalam program kerajaan telah melemahkan program ABIM dan ini memperlihatkan bahawa kepimpinan era Muhammad Nur Manuty lebih tertumpu kecemerlangannya kepada program-program dakwah pihak kerajaan. Kesan jangka panjang, ABIM kehilangan aktivis yang tahan diuji dan jati diri kerana ahli ABIM berada di tempat yang selesa dan mengakibatkan keciciran dalam mencapai cita-cita dan matlamat perjuangan Islam

(vi) ***Kepemimpinan Ahmad Azam Abdul Rahman (1997-2004)***

Pendekatan Komunikasi kepemimpinan Ahmad Azam dalam gerakan Islam ABIM adalah kejayaan beliau menangani masalah umat Islam kesan penyingkiran Anwar Ibrahim daripada UMNO dan kerajaan dan cabaran Islam *Phobia* akibat daripada peristiwa 11 September 1999. Kedua-dua isu ini memerlukan kebijaksanaan pemimpin bagi meyakinkan masyarakat tentang perjuangan gerakan dakwah Islam. ABIM terkenal dengan kelantangan menyuarakan isu-isu keadilan dalam masyarakat yang menyebabkan ramai pemimpin-pemimpinnya ditahan ISA (Berita Harian, 21 September 1998). Beliau lantang ke hadapan sebagai jurubicara ummah bagi memperjuangkan prinsip kebenaran dan keadilan terutamanya isu pemecatan Anwar yang menimbulkan gelombang *reformasi* dalam kalangan masyarakat Malaysia pada 18 September 1998. Krisis ini telah melibatkan gerakan Islam ABIM yang menyebabkan ABIM seolah-olah menjadi ancaman kepada pihak kerajaan. ABIM didakwa sebagai teras kepada gerakan reformasi yang menyalurkan kewangan untuk gerakan tersebut. Kelantangan suara pemimpin ABIM juga mengancam kerajaan. Ahmad Azam berpendapat;

[...]Perhatian kerajaan terhadap ABIM memang luar biasa kali ini kerana kelantangannya telah menyebabkan empat pimpinan utamanya disumbat ke dalam penjara ISA (Ahmad Azam, 1999).

Kesan daripada penangkapan ini juga telah membawa kepada penubuhan Parti Keadilan Nasional pada 4 April 1999 yang memberi impak besar kepada penyertaan sebahagian besar mantan pimpinan ABIM dan juga ahli Majlis Syura Tertinggi ABIM dalam parti tersebut. Kewibawaan beliau sebagai pemimpin ABIM yang seolah-olah memberi keterbukaan

kepada para ahlinya untuk menyokong Barisan Alternatif (bukan pembangkang) untuk menentang Barisan Nasional. Beliau memaklumkan sokongan perlu diberikan kepada PAS dan PKN. Ahli-ahli ABIM yang berminat dengan politik boleh menyertai PAS atau PKN (Tamadun, Oktober 1998). Walaupun beliau sekadar memberi kelonggaran dan keterbukaan kepada ahli-ahlinya, ia telah memberi kesan kepada sebagai presiden ABIM yang sebelum ini meletakkan posisi pertubuhannya untuk mementingkan keharmonian bangsa Malaysia serta prihatin terhadap masyarakat Malaysia terutamanya dalam isu-isu yang menyentuh mengenai Islam. Gerakan Islam ABIM menerima pelbagai tuduhan dan tohmahan menerusi media sebagai pertubuhan yang meniup semangat membela Anwar Ibrahim serta mengetuai perhimpunan haram menentang kerajaan. ABIM juga dituduh menerima wang sebanyak juta ringgit daripada akaun Anwar Ibrahim yang dinafikan oleh Ahmad Azam (Utusan Online, 28 Oktober 1999).

Tindakan pihak kerajaan terhadap gerakan Islam ABIM seolah-olah ABIM mempunyai peranan dalam pembangunan negara. Ini menyebabkan gerakan Islam ABIM hilang kepercayaan kepada pihak kerajaan sebagai pemerintah. Namun begitu Ahmad Azam tetap meneruskan perjuangan dakwah secara halus dan berhemah. Pihak kerajaan mengadakan pertemuan dalam syarahan perdana dengan tokoh PAS dan ABIM pada 8 Mei 2002 dan hasilnya banyak pihak memberi sokongan kepada gerakan Islam ABIM. Gerakan Islam ABIM menghadapi saat getir antara September 1999 hingga Ogos 2002 yang mencabar kewibawaan pemimpinnya. Kempen anti penganas yang ditaja oleh Amerika Syarikat akibat peristiwa 11 September 1999 yang meletakkan umat Islam dan gerakan Islam dalam keadaan yang sukar dan tertekan kerana dianggap penganas. Namun ini tidak menjejaskan ABIM kerana ABIM tetap meneruskan misi dakwah secara berhemah. Sebagai pemimpin yang bijak Ahmad Azam membentuk lima sekretariat bagi menguatkan program dakwah. Sekretariat tersebut terdiri daripada Sekretariat Dakwah dan Tarbiyah, Sekretariat Antarabangsa, Sekretariat Pembangunan Belia, Sekretariat Pembangunan Sosial dan Helwa serta Sekretariat Urusan Gerakan. Sekretariat ini dibentuk sebagai strategi ABIM memberikan khidmat kepada masyarakat dengan lebih efektif dan bertindak sebagai jurubicara umat (Laporan Setiausaha Agung, Muktamar Sanawi ke-33).

Melalui Ucapan Dasar Muktamar Sanawi ABIM ke-32, 2003 Azam menegaskan bahawa agenda umat merupakan gagasan pemikiran Ahmad Azam sebagai pemimpin utama ABIM. Agenda mendidik dan mengisi minda umat terus diperkukuhkan. Langkah kepimpinannya sebagai pemimpin ABIM yang prihatin dengan perpecahan umat yang membawa kepada beliau mempertemukan tokoh-tokoh pimpinan negara bagi membincangkan masalah umat. Beliau juga memegang prinsip kebenaran dan keadilan tidak boleh dikorbankan dalam mana-mana perjuangan. Ini kerana ABIM dituduh pro pembangkang dan menentang kerajaan. Beliau telah mengukuhkan pendekatan dakwah ABIM di Malaysia dengan dasar *non-partisan* (Ucapan Dasar Muktamar ABIM ke-29, 2000). Beliau juga sering mengutarakan agenda perpaduan ummah dan konflik perpecahan perlu diselesaikan agar masyarakat tidak berpecah belah. Umat Islam di Malaysia perlu bersatu bagi memastikan kuasa politik umat Islam terjamin pada masa hadapan. Ahmad Azam begitu tegas memastikan agenda perpaduan menjadi agenda dalam gerakan ABIM dan ABIM perlu bertindak cepat agar masyarakat umat Islam bersatu padu (Ucapan Dasar Muktamar Sanawi kali ke-34, 2005). Ini disokong oleh pemimpin Siddiq Fadhil yang menyatakan kita tidak perlu tunggu hingga keadaan sudah terlalu parah, hingga tiada lagi apa-apa yang boleh dipecahkan, kerana segalanya sudahpun hancur (Risalah Ogos/September, 2002).

Sebagai presiden kelima gerakan Islam ABIM, selain meneruskan dasar-dasar perjuangan pemimpin terdahulu, Ahmad Azam juga mencurahkan pengorbanannya pada ABIM di persada dakwah agar cemerlang di peringkat dalam negara mahupun di luar negara. Beliau juga seorang aktivis yang mampu memacu gerakan ABIM dengan tekad dan semangat yang jitu dan mampu menyesuaikan gerakan ketika masa sukar serta mampu menguruskan suasana dengan berkesan. Apa yang jelas beliau berjaya menjadi seorang pengurus gerakan Islam ABIM dengan gerak kerja yang kolektif serta mampu digerakkan dalam masyarakat. Walaupun dalam masa yang sama beliau menjadi pengkritik yang hebat terhadap tindakan-tindakan kerajaan yang dirasakan tidak adil kepada rakyat serta sangat kritikal terhadap kerajaan (Demi Masa, Bil 1/Jild 1, 1999).

PERBINCANGAN KAJIAN

Perbandingan Dari Segi Pendekatan Dan Pemikiran Kepimpinan Abim

Pengkaji mendapati era kepimpinan Razali Nawawi lebih memberi penegasan terhadap program pembinaan ahli. Menurut pemimpin ini, usrah dan tamrin merupakan dua perkara yang penting dalam melahirkan perkaderan dalam gerakan. Pihak ABIM perlu mengikut satu kurikulum usrah dan tamrin agar kegiatan asas setiap ahli yang ditarbiahkan dapat berjalan secara informal sepanjang masa. Usrah dan tamrin adalah asas utama pendidikan tidak formal ahli ABIM. Presiden ABIM ini bertegas agar setiap program usrah berjalan dengan sempurna dan beliau bimbang sekiranya usrah tidak berjalan dengan lancar maka, benteng kekuatan peribadi ahli akan goyah dan sukar untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat. Beliau memutuskan pembinaan strategi untuk merangka perkaderan yang lebih komited terhadap Islam dan berusaha untuk meningkatkan pengetahuan. Semasa kepimpinan Razali Nawawi, ABIM telah berjaya membawa gerakan ke peringkat antarabangsa. Perjuangan memartabatkan Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap dan sempurna menjadi keutamaannya semasa memimpin ABIM. Budaya ilmu diperkukuhkan dalam setiap pertemuan dan program tamrin dan qiamullail menjadi kewajipan disertai oleh ahli ABIM (Laporan Tahunan ABIM 1973).

Manakala kepimpinan Anwar Ibrahim pula adalah menegakkan kebenaran dan keadilan perjuangan ABIM. Di bawah kepimpinannya, ABIM menghadapi pelbagai peristiwa pahit dan ada kalanya manis. Hal ini kerana hubungan ABIM dan pihak kerajaan adalah tegang kerana beliau mendesak agar kerajaan menangani isu kemiskinan dan melaksanakan program-program Islam. Penahanannya selama 60 hari dan dijanjikan pembebasan sekiranya mengikut prinsip pihak kerajaan (Badlihasham, 2000). Beliau bertegas dan merasa dikhianati. Kepimpinannya menggunakan pendekatan radikal dan menjadi kumpulan pendesak menuntut pihak kerajaan memperkukuhkan unsur-unsur Islam dalam semua bidang sama ada politik mahu pun pendidikan. Beliau juga memimpin agar menubuhkan Universiti Islam di negara ini (Abdul Rahman, 1998). Pendekatannya yang lebih radikal, dianggap menggugat kerajaan. Pandangan pemimpin ini dalam dakwahnya adalah untuk membawa masyarakat Islam menghayati Islam sepenuhnya dalam kehidupan dan memerangi golongan yang mengingkari ajaran Allah (Golden P.Mean, 2007)

Seterusnya kepimpinan Fadhil Mohd Noor yang menonjolkan imej yang mantap dan membawa perubahan dalam masyarakat. Hal ini kerana pemikiran perjuangan yang ditonjolkannya telah menggambarkan kepintaran dan ketajaman pemikirannya. Beliau memperkukuhkan institusi pendidikan. Beliau juga mengambil tindakan menetengahkan isu

aqidah bagi ketahanan fizikal dan dalaman. Beliau membuka ruang pemikiran Islamiah kepada pari ahli melalui program usrah dan tamrin. Beliau juga mempunyai hubungan di peringkat antarabangsa dan ini telah memantapkan perjuangan harakah Islamiah. (Fadhi Mohd Noor, 2003).

Selain itu, kepimpinan Siddiq Fadhil yang membawa pendekatan yang sederhana dan menerapkan nilai-nilai Islam. Pendekatan pasca 1982 dalam kepimpinannya membawa kesan positif terutamanya dari segi penerapan nilai-nilai Islam. Rancangan Islamisasi kerajaan pada ketika itu semakin ketara dan mendapat sambutan meluas dalam kalangan kelas menengah Melayu. Pendekatan bersahabat dengan kerajaan demi cita-cita Islam yang menyeluruh telah mengubah imej ABIM menerima kerajaan (Siddiq Fadhil, 2005). Proses Islamisasi berkembang dengan baik dalam suasana aman dan mendapat sokongan kerajaan. Zaman pimpinannya adalah zaman getir kerana ABIM kehilangan ramai pemimpin utama. Namun berkat kesabaran beliau mampu mengatasi masalah dan menjadikan gerakan Islam ABIM bergerak berjuang melaksanakan cita-cita Islamiah (Risalah, Bil. 5 Oktober 2001).

Bagi kepimpinan Muhammad Nur Manuty pula adalah meneruskan agenda perjuangan dan pemikiran Islam yang dirintis oleh Siddiq Fadhil. Era kepimpinannya ABIM semakin mantap dan matang serta prihatin terhadap umat Islam. Kelemahan terserlah sedikit apabila ABIM terlibat dengan program-program kerajaan. Beliau juga mengukuhkan ahlinya dengan program uslub dan tarbiyah. ABIM bekerjasama dengan program-program kerajaan (Watan, 15 Disember 1988).

Akhirnya kepimpinan Ahmad Azam ditandai dengan gerakan reformasi dan demonstrasi besar-besaran akibat pemecatan Anwar Ibrahim. Manakala di peringkat antarabangsa, beliau diuji dengan peristiwa 11 September 1999, yang akhirnya umat Islam dan gerakan Islam di label sebagai pengganas (Jaffary Awang, 2000). Keadaan politik tempatan tidak menentu (Kamarul Nizam, 2002). Beliau memperkukuhkan dengan pendekatan wasatiah yang berteraskan nilai dan ajaran progresif Islam. Beliau sering mengutarakan konsep keadilan dan perpaduan (Risalah, Ogos 2002)

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kepimpinan gerakan Islam ABIM bermula tahun 1972 hingga tahun 2004 terdapat tiga krisis utama yang berlaku dan memerlukan kebijaksanaan pemimpin menggunakan pendekatan komunikasi kepemimpinan yang berkesan bagi menyelamatkan ABIM. Sejak awal penubuhannya pimpinan ABIM yang pertama berjaya mencetuskan suatu kebangkitan baru Islam yang memberi suatu momentum ke arah perubahan sosial. Formula Islam sebagai cara hidup yang dipelopori ABIM disambut oleh generasi muda sehingga menjadi arus besar yang tidak dapat dibendung oleh sesiapaupun termasuk kerajaan. Pada peringkat awal juga, pemimpin ABIM memberi tumpuan kepada mengukuhkan organisasi kerana mendapat ancaman dan halangan daripada pihak kerajaan.

Seterusnya kepemimpinan ABIM menumpukan kepada gerakan dakwah kepada kalangan ahlinya dan masyarakat. ABIM menggariskan hala tuju perjuangannya dan menyarankan ahli-ahlinya meneruskan usaha-usaha dakwah dalam masyarakat (Ishak Saat 1980. Ahli-ahli ABIM ditiupkan semangat jihad dan jiwa perlu *istiqamah* dalam perjuangan. Pada tahun 1982, gerakan Islam ABIM mengalami krisis dalaman iaitu apabila Anwar Ibrahim menyertai UMNO yang memberi kesan buruk kepada ABIM. Namun begitu, krisis kepimpinan ini dapat di atasi di bawah pimpinan Siddiq Fadhil yang menegaskan ahli-ahli

ABIM bangkit kembali kepada matlamat perjuangan, menjadi jurubicara umat dan kembali kepada Islam.

Ketika ABIM di bawah pimpinan Ahmad Azam pula, krisis yang ABIM hadapi ialah peristiwa pemecatan Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri pada September 1998. Beberapa pemimpin ABIM ditangkap kerana dianggap menentang pihak kerajaan dan berpihak kepada pembangkang. Akibat terkejut dengan tindakan kerajaan tersebut telah membawa pemimpin ABIM memberikan tumpuan kepada usaha melaksanakan tanggungjawab dakwah Islam kepada seluruh ahli ABIM (Ahmad Azam, 1998).

Kepimpinan ABIM juga menggambarkan perjuangan ABIM sebagai pencetus perubahan. Ini kerana pimpinan Anwar Ibrahim yang berada di jalur politik UMNO yang disifatkan sebagai nasionalis dan Fadhil Mohd Noor di jalur politik PAS yang disifatkan sebagai sebuah gerakan Islam. Walaupun berbeza daripada wadah perjuangannya tetapi mereka boleh bersama berada di bawah wadah ABIM dengan matlamat dan cita-cita memperjuangkan Islam.

Walaupun kepimpinan ABIM mempunyai latar belakang pendidikan berbeza, namun corak dan prinsip perjuangan tetap sama kerana pendukung-pendukung ABIM ditarbiah dengan proses usrah dan tamrin. Gaya kepimpinan mereka berbeza berdasarkan karisma masing-masing. Kewibawaan kepimpinan ABIM, akhirnya pada 10 tahun pertama penubuhannya, cara hidup Islam mula menjadi ikutan masyarakat Islam di Malaysia seperti pemakaian tudung dan solat berjemaah (Ishak Saat 2009). Seterusnya 10 tahun kedua, pendekatan kepimpinan lebih realistik iaitu pembinaan budaya ilmu dengan memberi tumpuan kepada penubuhan institusi-institusi pendidikan yang menyeluruh dari peringkat prasekolah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi. Akhirnya 10 tahun ketiga pula kepimpinan gerakan Islam ABIM bertekad untuk memantapkan wadah perjuangan dengan lebih komprehensif dan berhemah.

Kemampuan tokoh-tokoh ABIM dalam usaha mencapai cita-cita perjuangan memberi kesan kepada suasana politik negara. Hasil daripada kesungguhan pemimpin ABIM melontarkan idealisme yang mampu memberi semangat kepada pendukungnya maka kesinambungan pimpinan berlaku dengan lebih teratur. Pemimpin-pemimpin ABIM sentiasa menggunakan pendekatan komunikasi kepimpinan agar misi perjuangan mendaulatkan Islam dapat dilaksanakan dengan pelbagai aktiviti dakwah. Program tamrin, pengkaderan dan usrah merupakan keutamaan kepada ahli-ahlinya bagi mengukuhkan ukhwah dan persaudaraan dalam ABIM.

Kesinambungan kepimpinan gerakan Islam ABIM yang berwibawa adalah penting bagi mempertahankan kewibawaan ABIM. Jelas menunjukkan tokoh-tokoh pemimpin ABIM berjaya meningkatkan imej ABIM di dalam mahupun di luar negara. ABIM bukan milik individu atau pemimpin-pemimpin tertentu tetapi ABIM adalah milik individu atau pemimpin-pemimpin tertentu yang mengharap ABIM melaksanakan sesuatu yang membolehkan masa depan umat Islam lebih cemerlang menjalani kehidupan Islam yang syumul berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah. Maka di sini dapatan kajian menunjukkan bahawa peranan pemimpin gerakan Islam ABIM menggunakan pendekatan komunikasi kepimpinan dalam perjuangan menyampaikan dakwah kepada masyarakat Melayu di Malaysia sehingga tahun 2004 sangat berkesan. Perjuangan dakwah pemimpin-pemimpin gerakan Islam ABIM juga bukan sahaja di peringkat dalam negara sahaja malahan ke peringkat hubungan antarabangsa antara negara-negara di dunia.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2005). *Kemahiran Interpersonal untuk Guru*. Kuala Lumpur. PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Abdul Wahab Zakaria. (1994). *Konsep Kepimpinan Dalam Islam Pesanan Seorang Da'i*. Petaling Jaya. ABIM.
- Ahmad Azam Abdul Rahman. (1999). "Agenda Era Kebangkitan Ummat". Edaran Terhad. **SULIT**. Dibentangkan dalam Bengkel Khas Era Kebangkitan Ummat pada 10-11 April 1999.
- Ali Muhammad Garishah. (1991). *Dakwah dan Pendakwah. Menyingkap ketokohan Hassan Al-Banna*. Batu Caves. Thinkers Library.
- Anwar Ibrahim. (2008). *Jelaskan Wadah Perbaharui Tekad*. Shah Alam. ABIM.
- Asep Dadan Wildan. (2003). *Prinsip-Prinsip Komunikasi di dalam Islam: Tumpuan terhadap Surah al-Hujurat*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Badhlihisam Mohd Nasir. (2009). *Dinamisme Gerakan Islam dan Cabaran Semasa*. Kuala Lumpur. Karisma.
- Badhlihisam Mohd Nasir. (2000). "Dakwah Gerakan Islam Tanahair: Sorotan Terhadap PAS, ABIM dan JIM" dlm *Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru*. Bangi. Jabatan Pengajian dakwah dan kepimpinan.
- Berita Harian. 21 September 1998.
- Buku Cenderamata. Muktamar Sanawi ABIM ke-24.
- Demi Masa. Bil. 1/Jilid 1. 1999.
- Fadhil Mohd Noor. (2003). *Aqidah & Perjuangan*. Shah Alam. Dewan Pustaka Fajar.
- Harakah. 29 Julai 1998.
- Ishak Saat. (2009). *Malaysia 1945-2000*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributors.
- Jaafar Muhammad. (1992). *Asas Pengurusan (2nd Ed)*. Fajar Bakti Sdn. Bhd. Shah Alam.
- Jaafar Muhammad. (2000). *kelakuan organisasi*. Edisi keempat. Leeds Publications. Kuala Lumpur.
- Jaffary Awang. (2000). "Nations of Ummah in Islam: The Response of Malay Muslim Intellectuals in Malaysia". Tesis Doktor Falsafah. Universiti Birmingham.
- Kamarul Nizam Abdullah. (2002). *The Politics of Islam in Contemporary Malaysia*. Bangi. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamaruzzaman Noordin. (2006). *Komunikasi Kepimpinan Menurut Islam dalam Dimensi Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Laporan Setiausaha Agung Muktamar Sanawi ke-33. (2004). Johor Bahru. Dewan Besar Kompleks Islam.
- Laporan Tahunan Muktamar Sanawi ke-3. Sesi 1973/1974. Kuala Lumpur. Pejabat ABIM Pusat.
- Laporan Tahunan. Muktamar ABIM Pusat. Sesi 1995/1996. Kuala Lumpur. Pejabat ABIM Pusat.
- Minit Mesyuarat Muktamar Sanawi ABIM kali ke-22. Sesi 1992/1993. Muktamar Sanawi ABIM ke-22. Melaka. Di Dewan Hang Jebat Ayer Keroh.
- Minit Mesyuarat Muktamar Sanawi ABIM kali ke-7. Sesi 1977/1978. Kuala Lumpur. Pejabat ABIM Pusat.
- Mohd Anuar Tahir. (1993). *Politik ABIM*. Petaling Jaya. Pejabat ABIM Pusat.
- Muhammad Sa'īd Ramaḍān al-Būṭī. (1991). *Sīrah al-Nabawīyyah. Sūriyyah. Dār al-Fikr*.

- Onong Uchana Effendy MA. (1981). *Kepimpinan dan Komunikasi*. Bandung. Penerbit Alumni.
- Penyata Tahunan ABIM (1974), Kuala Lumpur. Pejabat ABIM Pusat.
- Raja Roslan Raja Abd. Rahman, Azizi Yahya & Mohd. Salleh Hassan. (2008) ‘*Peranan Komunikasi Kepimpinan Diri dan Organisasi dalam Perspektif Islam*,’ (Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial, Mahkota Hotel Melaka, 18-19 Ogos 2008.
- Raja Roslan dan Abu Bakar. (2010). *Pelaksanaan Komunikasi Kepimpinan Dalam Organisasi Pengamal Pengurusan Kualiti MSISO 9001 Di Malaysia*. Universiti Putera Malaysia.
- Risalah. April 1991.
- Risalah. Bil 5/Oktober. Rencana Khas 30 tahun ABIM.
- Risalah. Keluaran Khas. Bil. 5 Oktober. 2001.
- Risalah Ogos. 2002
- Risalah September. 2002.
- Saidc Agil Husin al-Munawar. (1987). *Metode Dakwah*. Rahmat Semesta. Jakarta.
- Siddiq Fadhil. (2005). *Pemeriksaan Bangsa Peranan Kepimpinan, Agama dan Budaya*. Petaling Jaya. Inmind.
- Tamadun. Oktober 1998.
- Temu bual bersama Khairuddin Hj Abbas. Mantan NYDP ABIM Pusat Sesi 2017-2019. Di Pejabat ABIM Pusat. Taman Cemerlang Gombak. Kuala Lumpur. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 23 November 2019. Jam 10 pagi.
- Ucapan dasar Presiden Anwar Ibrahim. (1975). “Jelaskan Wadah Satukan Tekad” Muktamar Sanawi ABIM ke-4. Selangor. Di Kolej Islam Kelang. (yang dikirimkan dari Penjara Kemunting dan dibacakan oleh Ustaz Fadhil Noor. Pemangku Presiden ABIM).
- Ucapan Dasar Presiden Muhammad Nur Manuty. (1993). “Pertembungan Tamadun: Agenda Umat”. Muktamar Sanawi ABIM ke-22. Melaka. Di Dewan Hang Jebat Pusat Ekspo Ayer Keroh.
- Ucapan Dasar Presiden. Siddiq Fadhil. (1982). “Garis-Garis Besar Haluan Perjuangan”. Muktamar Sanawi ABIM ke-11. Di Maktab Perguruan Islam. Petaling Jaya. Selangor
- Ucapan Dasar Presiden. Siddiq Fadhil. (1984). “Da’i Pembina Aqidah Pembangunan Ummah”. Muktamar Sanawi ABIM ke-13. Di Dewan Kuliah Utama (MLT). Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor. Bangi.
- Ucapan Dasar Presiden Ahmad Azam Abdul Rahman. (2000). “Pemeriksaan Masyarakat Islami: Awlawiyat Gerakan Islam” Muktamar Sanawi ABIM ke-29. Di Dewan Al-Malik Faisal. Pusat Matrikulasi UIAM. Petaling Jaya.
- Ucapan Dasar Presiden. Ahmad Azam Abdul Rahman. (2005). “Memimpin Perjuangan: Merangsang Kejayaan Masa Hadapan” Muktamar Sanawi ABIM kali ke-34. Di Dewan Besar KWSP. Selangor. Bangi.
- Utusan Malaysia. 10 September 1991.
- Utusan Online. 28 Oktober 1999.
- Watan. Subky Latif. Selasa 27 Julai 1982. Jerat Mengena Bila Anwar Masuk UMNO
- Yusof al-Qardawi. (1999). *FIQH Kenegaraan. (Terj.)*. Kuala Lumpur. Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Zawiyah Mohd. Yusof . (2009). *Kemahiran Komunikasi*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.

MAKLUMAT PENULIS

SITI RUZANA AB GHANI

Universiti Kebangsaan Malaysia
sitiruzana@yahoo.com

RAHILAH OMAR

Universiti Kebangsaan Malaysia
rahilah@ukm.edu.my

AZLIZAN MAT ENH

Universiti Kebangsaan Malaysia
azlizan@ukm.edu.my

RUSLI KAMARUDDIN

Universiti Kebangsaan Malaysia
rusli@ukm.edu.my